

LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK untuk Insurans ‘Perfect Rider 24hr’

NOTA PENTING: Sila baca Lampiran Pemberitahuan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk mengambil Polisi Insurans ‘Perfect Rider 24hr’. Pastikan anda juga membaca dengan terperinci terma-terma dan syarat-syarat amnya.

1. Apakah produk ini?

Insurans Kemalangan Diri ‘Perfect Rider 24hr’ ialah pelan perlindungan 24 jam seluruh dunia yang akan membayar pampasan kepada anda sebagai Pihak Diinsuranskan sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya yang disebabkan oleh kejadian malang yang tidak disengajakan, kegagasan, secara luaran dan ketara.

Sebagai tambahan, anda layak untuk mengisyiharkan kepada kami satu nombor pendaftaran kenderaan persendirian yang didaftarkan di bawah nama anda untuk dilindungi di bawah Faedah Perkhidmatan Bantuan Kerosakan Kenderaan dan Perkhidmatan Tunda. Faedah Perkhidmatan Bantuan Kerosakan Kenderaan dan Perkhidmatan Tunda adalah terhad di dalam Malaysia sahaja dan tiada had untuk bilangan kejadian. Semasa perkhidmatan tunda, Kami juga akan membayar caj tol tanpa had.

Produk ini disediakan untuk Warganegara Malaysia, Pemastautin Tetap Malaysia, Pemegang Permit/Pas Kerja di Malaysia dan/atau suami/isteri yang sah/anak/anak-anak/ibu bapa/pekerja yang menetap secara sah di Malaysia. Jika Pihak Diinsuranskan ialah seorang individu, beliau mestilah salah seorang daripada Orang Yang Diinsuranskan. Syarikat-syarikat yang berdaftar di Malaysia juga boleh membeli polisi ini dan hanya boleh menamakan pekerja mereka sebagai Orang Yang Diinsuranskan.

Had Umur untuk:

- Anda, suami/isteri yang sah/ibu bapa dan/atau pekerja anda ialah 18 tahun hingga 85 tahun.
- Anak-anak anda yang sah dan belum berkahwin (termasuk anak tiri dan anak angkat secara sah) yang di bawah tanggungan kewangan anda yang berumur 30 hari hingga 18 tahun atau sehingga 23 tahun jika masih menuntut sepenuh masa di institusi pengajian tinggi yang diiktiraf.

2. Apakah perlindungan / faedah yang diberikan?

Polisi ini mempunyai 3 pelan dan jumlah diinsuranskan bergantung kepada pelan yang dipilih.

Perkara	Faedah-faedah	Pelan 1 (RM)	Pelan 2 (RM)	Pelan 3 (RM)
1	Kematian Akibat Kemalangan (setiap orang)	20,000	50,000	80,000
2	Hilang Upaya Kekal (setiap orang)	20,000	50,000	80,000
3	Perbelanjaan Perubatan (setiap orang)	500 setiap kemalangan	500 setiap kemalangan	500 setiap kemalangan
	Pembedahan Pembetulan Gigi dan/atau Pembedahan Kosmetik (setiap orang)			
	Yuran Ambulan (setiap orang)			
4	Elaun Pengebumian (setiap orang)	500	500	500
5	Baki Kad Kredit Tertunggak (setiap orang, sehingga maksimum)	500	500	500
6	Indemniti Berganda Ketika Cuti Umum Seluruh Malaysia akibat daripada kemalangan kenderaan bermotor (setiap orang)	40,000	100,000	160,000
7	Perkhidmatan Bantuan Kerosakan Kenderaan dan Perkhidmatan Tunda Tanpa Had Jarak di dalam Malaysia (setiap kejadian) - Termasuk Caj Tol Tanpa Had (Untuk satu kenderaan persendirian yang dinamakan di bawah nama anda)	Tanpa had jarak	Tanpa had jarak	Tanpa had jarak

Tempoh perlindungan lazimnya satu tahun. Anda perlu memperbaharui perlindungan anda setiap tahun.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Liberty General Insurance Berhad 197801007153 (44191-P)
Formerly known as AmGeneral Insurance Berhad

Liberty Insurance Tower, CT9, Pavilion Damansara Heights, 3 Jalan Damanlela, Pusat Bandar Damansara, 50490 Kuala Lumpur.
 P.O. Box 11228, GPO Kuala Lumpur, 50740 Kuala Lumpur
Tel: +603 2268 3333 **Website:** www.amassurance.com.my
 (Service Tax Registration No.: B16-1808-31015443)

3. Berapakah premium yang saya perlu bayar?

Premium yang anda perlu bayar mungkin berbeza bergantung pada pelan yang dipilih.

Premium Tahunan	Pelan 1 (RM)	Pelan 2 (RM)	Pelan 3 (RM)
Pemegang Polisi dan sehingga 3 Orang Yang Diinsuranskan Dinamakan	130.00	230.00	330.00
Setiap tambahan Orang Yang Diinsuranskan Dinamakan	25.00	50.00	75.00

Nota: Premium yang dinyatakan adalah sebelum Cukai Perkhidmatan dan Duti Setem.

4. Apakah yuran dan bayaran yang perlu saya bayar?

Yuran dan bayaran yang anda perlu bayar ialah:

Jenis	Jumlah
Cukai Perkhidmatan	Tertakluk kepada kadar semasa seperti yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia
Duti setem	RM10.00
Komisen ejen atau apabila melibatkan seorang pengantara	10% daripada premium

5. Apakah antara terma dan syarat utama yang perlu saya ketahui?

- i) Kepentingan membuat Pendedahan – MENURUT AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN 2013, Seksyen 129, Jadual 9, Perenggan 5: Adalah menjadikan kewajipan pengguna untuk mengambil penjagaan munasabah untuk tidak membuat salah nyataan kepada penanggung insurans berlesen semasa menjawab apa-apa soalan yang diperlukan yang berkaitan dengan keputusan penanggung insurans sama ada untuk menerima atau tidak risiko dan kadar dan terma yang hendak dipakai.
- ii) Had Wilayah bagi Faedah 1 hingga Faedah 6 ialah dua puluh empat (24) jam sehari, di Seluruh Dunia. Faedah 7 adalah terhad kepada 24 jam sehari di dalam Malaysia.
- iii) Dua atau Lebih Polisi – Jika berlaku sebarang tuntutan di bawah Faedah 3 dan Faedah 5, dan terdapat sebarang mana-mana insurans lain, sama ada dengan Liberty General atau syarikat insurans lain yang melindungi risiko yang sama atau mana-mana bahagiannya, Liberty General hanya bertanggungjawab terhadap baki perbelanjaan yang ditanggung sehingga jumlah faedah yang diinsuranskan yang dinyatakan dalam Jadual jika Orang Diinsuranskan telah menerima bayaran di bawah polisi insurans lain.
- iv) Tunai Sebelum Perlindungan – Anda mesti membayar premium sebelum perlindungan di bawah Polisi ini berkuat kuasa.
- v) Faedah Indemniti Berganda –Jumlah diinsuranskan bagi Faedah Kematian Akibat Kemalangan atau Hilang Upaya Kekal akan digandakan jika Orang Yang Diinsuranskan meninggal dunia atau mengalami quadriplegia kekal atau lumpuh keseluruhan dari leher ke bawah yang disebabkan oleh kemalangan kenderaan bermotor sama ada sebagai penumpang, pemborong atau pemandu/penunggang dan kemalangan tersebut berlaku ketika cuti umum seluruh Malaysia.
- vi) Pemastautin Luar Negara – Hanya Faedah Kematian Akibat Kemalangan dan Hilang Upaya Kekal akan dibayar sekiranya Orang Yang Diinsuranskan bermastautin di luar Malaysia selama lebih daripada 90 hari berturut-turut.
- vii) Pengecualian Pekerjaan –Bagi Orang Yang Diinsuranskan yang bekerja sebagai atau melakukan mana-mana jenis pekerjaan yang disenaraikan di bawah (sama ada secara sementara atau tetap), tiada faedah akan dibayar di bawah polisi ini untuk Kecederaan Anggota Badan akibat Kemalangan semasa melakukan pekerjaan sedemikian:-
Pelumba, ahli sukan profesional, kelas, pembalak, pekerja pesisir pantai, ahli pesawat udara, nelayan, joki kuda, penghibur profesional, pembuat/pengendali bahan letupan, krew kapal, juruterbang dan pemandu ujian, pemungkah kargo, penyelam profesional, ahli bomba, pekerja bawah tanah/pelombong, ahli angkatan bersenjata, perkhidmatan dan operasi tentera laut atau tentera udara, anggota polis dan perkhidmatan penyelamat.
- viii) Pekerja bermaksud mana-mana orang yang berkhidmat di bawah kontrak pekerjaan dengan anda dan menerima bayaran gaji daripada anda.

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi kematian atau hilang upaya yang disebabkan oleh kejadian berikut:

Sebarang jenis sakit, penyakit, virus, jangkitan atau parasit.

- a. Sebarang kecacatan fizikal, mental atau uzur, sebarang jenis sawan yang sedia ada.
- b. Semasa Orang Yang Diinsuranskan berada di bawah pengaruh minuman keras atau arak yang memabukkan, narkotik, dadah berbahaya atau dadah-dadah lain yang memudaratkan atau bahan yang memabukkan.
- c. Memandu tanpa lesen memandu yang sah.
- d. Melakukan atau cuba melakukan sebarang perbuatan yang menyalahi undang-undang.
- e. Kecederaan diri sendiri yang disengajakan, tidak siuman, bunuh diri dan sebarang cubaan yang seumpamanya (sama ada siuman atau tidak siuman).
- f. Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS) atau Penyakit Kompleks Berkaitan AIDS (ARC) walau bagaimana sekalipun sindrom ini diperoleh atau mungkin dinamakan.
- g. Kerugian, kerosakan atau liabiliti kepada / diakibatkan oleh kenderaan yang dinyatakan di dalam polisi semasa perkhidmatan bantuan kerosakan kenderaan dan perkhidmatan tunda.
- h. Kerugian berlaku di luar Had Wilayah;
- i. Semasa Orang Yang Diinsuranskan melibatkan diri dalam pergaduhan atau tunjuk perasaan/penglibatan dalam luncur air, sebarang aktiviti bawah air yang melibatkan penggunaan alat bantuan pernafasan (kecuali menyelam skuba), mendaki gunung yang melibatkan penggunaan tali atau jurupandu, perlumbaan selain daripada menggunakan kaki.
- j. Pembunuhan atau serangan akibat daripada provokasi oleh Orang Yang Diinsuranskan, keracunan makanan, gigitan serangga, ular, binatang perosak dan binatang.

Perhatian: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya dan bagaimana saya boleh berbuat demikian?

Anda boleh membatalkan polisi pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada Liberty General. Selepas pembatalan, pihak Syarikat akan membayar balik premium mengikut jadual kadar jangka pendek pihak Syarikat bagi tempoh polisi ini telah berkuatkuasa dalam tempoh insurans semasa, dengan syarat tiada tuntutan telah dibuat ke atas polisi semasa.

8. Apa yang perlu saya lakukan sekiranya ada perubahan kepada maklumat perhubungan/peribadi saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami sekiranya terdapat sebarang perubahan dalam profil kehidupan anda termasuk pekerjaan dan kegiatan peribadi, yang mungkin mempengaruhi profil risiko anda.

9. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut mengenai insurans kemalangan diri, sila rujuk kepada risalah *insuranceinfo* mengenai 'Insurans Kemalangan Diri', yang boleh didapati di semua cawangan kami atau anda boleh mendapatkan senaskhah salinan daripada ejen insurans atau layari www.insuranceinfo.com.my.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Liberty General Insurance Berhad

Liberty Insurance Tower,
CT9, Pavilion Damansara Heights,
3, Jalan Damansara
Pusat Bandar Damansara,
50490 Kuala Lumpur
Talian Bebas : 1 800 88 3833
E-mel : customer@kurnia.com
Laman Web : www.kurnia.com

10. Lain-lain jenis Perlindungan Insurans Serupa yang Ada

Perfect Rider Plus

NOTA PENTING:

ANDA DINASIHATKAN UNTUK MEMBERI PERHATIAN KEPADA SKALA FAEDAH UNTUK KEMATIAN DAN HILANG UPAYA DALAM POLISI INSURANS ANDA. ANDA MESTI MENAMAKAN PENAMA DAN PASTIKAN PENAMA ANDA TAHU TENTANG POLISI KEMALANGAN DIRI YANG TELAH ANDA BELI. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Liberty General Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang dibekalkan dalam lampiran pemberitahuan ini diterbitkan pada 01/03/2024 dan adalah sah sehingga semakan berkala yang berikutnya.